

# Tak tahan lif rosak, bangunan retak

Penduduk Pangsapuri Vista Alam mahu masalah diselesaikan segera

MOHO FANMI ISMAIL

SHAH ALAM - Berpuluh aduan dibuat oleh penduduk di Pangsapuri Vista Alam berkaitan masalah kerosakan lif dan keretakan bangunan, namun masih tidak berkesudahan hingga ke hari ini.

Itulah tungtutan daripada penduduk dan pemilik sebenar yang kesal lif dalam bangunan diduduki mereka kerap rosak walaupun baru beberapa tahun mendudukinya.

Setiasaha Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Vista Alam, Azhar Ahmad, berkata sejak mula diduduki pada Oktober 2015, dua masalah tersebut seringkali menghantui penghuninya yang dianggarkan antara 2,000 hingga 3,000 orang.

"Bulan ini saja dah lapan kali aduan kerosakan diketengahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) tapi tak ada juga perubahan.

"Selain JKKP, tiada pihak lain datang dan pemaju memang sedaya upaya baik tapi sejauh mana usaha mereka nak pastikan masalah ini boleh diatasi. Daripada tiga lif, hanya satu boleh digunakan. Dua lagi hanya boleh sampai ke rumah dan kawasan P1."



Azhar (tengah) dan Nor Hisham (dua, kiri) pada sidang media khas bersama penduduk Vista Alam di Shah Alam, kelmarin.

**INFO**  
● Aduan telah dibuat kepada wakil rakyat kawasan, namun tiada tindakan

katanya mendakwa pernah berlaku kejadian mangsa terperangkap dalam lif.

"Kedua, isu keretakan bangunan yang boleh dilihat. Kami bimbang jika tidak segera dibaiki, dikhawatiri ia mengancam nyawa penduduk," katanya masih berharap nasib warga pangsapuri terus dibela dan mendapat keadilan sewajarnya.

Seorang penduduk, Che Man Nemat kesal kerana masalah lif gagal dirangani

dengan baik sepanjang beliau menghuni di pangsapuri berkenaan.

Katanya, pelbagai aduan sudah dibuat kepada pihak berkuasa termasuk Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pejabat Menteri Besar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pemaju, namun tiada tindakan diambil.

"Kami menjadi mangsa memandang kami adalah pemilik dan penduduk. Kami tertunggu-tunggu apa tindakan boleh diambil tapi tiada," katanya.

Beliau juga pelik kerana pihak berkenaan ragu-ragu nak datang mengatasi dan memperbetulkan keadaan

di pangsapuri di sini.

Sementara itu, Koordinator Pembangunan Persekutuan Dun Kota Anggerik, Datuk Nor Hisham Ses berkata, kerosakan lif sejak dua tahun lalu perlu ditangani segera pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, penduduk juga ada mengadu kepada wakil rakyat kawasan ini, namun tiada tindakan susulan diambil.

"Kami di peringkat persekutuan akan cuba selesaikan termasuk memanggil PBT duduk berbincang berkenaan isu masalah lif.

"Difahamkan ada 50 hingga 70 aduan dan ini sesuatu yang perlu dipandang serius," katanya.